

**FAKTOR KECENDERUNGAN SAUDARA KITA MEMELUK ISLAM:  
SATU KAJIAN DI DARUL UKHUWAH, TAMPOI, JOHOR.**

**TAQIYAH BINTI ABDUL HADI**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

## UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS ♦**

**Judul : FAKTOR KECENDERUNGAN SAUDARA KITA MEMELUK ISLAM:**  
**SATU KAJIAN DI DARUL UKHUWAH, TAMPOI, JOHOR**

**Sesi Pengajian : 2003/2004**

**TAQIYAH BINTI ABDUL HADI**

Saya \_\_\_\_\_  
 (HURUF BESAR)

Saya mengaku membenarkan tesis (PSM/~~Sarjana/Doktor Falsafah~~)\* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis adalah hak milik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\* Sila tandakan (✓)

- |                                     |              |  |
|-------------------------------------|--------------|--|
| <input type="checkbox"/>            | SULIT        | (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972) |
| <input type="checkbox"/>            | TERHAD       | (Mengandungi maklumat yang TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)                     |
| <input checked="" type="checkbox"/> | TIDAK TERHAD |  |

Disahkan oleh

  
 \_\_\_\_\_  
 (TANDATANGAN PENULIS)

  
 \_\_\_\_\_  
 (TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap :

**NO 46A, PERKAMPUNGAN TUNJUNG,  
 02400 BESERI, PERLIS**

**MOHD NASIR B RIPIN**  
 Nama Penyelia


Tarikh : MAC 2004

Tarikh : MAC 2004

**CATATAN**

- \* Potong yang tidak berkenaan
- \*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD. Sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.
- ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“ Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam)”

Tandatangan :  .....

Nama Penyelia : **MOHD NASIR BIN RIPIN**

Tarikh : **10 MAC 2004**

**FAKTOR KECENDERUNGAN SAUDARA KITA MEMELUK ISLAM:  
SATU KAJIAN DI DARUL UKHUWAH, TAMPOI, JOHOR**


**TAQIYAH BINTI ABDUL HADI**

Tesis Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi  
Sebahagian Daripada Syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Serta  
Pendidikan (Pengajian Islam)

Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

MAC, 2004

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan :   
Nama Penulis : **TAQIYAH BINTI ABDUL HADI**  
Tarikh : **10 MAC 2004**

**DEDIKASI**

*Buat suami yang dikasihi, Rafiqah bin Abdullah Husin  
Buat ayahanda, Abdul Hadi bin Osman  
Jua bonda, Hasnah binti Said  
serta  
Abang, Kak, Acik, Muaz, Yah dan Anas  
Tidak dilupakan  
Para Pendidikku  
Dan jua  
Sahabat Seperjuangan*

## PENGHARGAAN

أحمد لله تبارك وتعالى وأصلى وأسلم على سيدنا محمد وعلى آله

وصحابة ومن دعا بدعوته وتمسك بسنته

Alhamdulillah, setinggi-tinggi rasa kesyukuran dirafakkan ke hadrat Ilahi Rabbul Izzati Tuhan sekalian alam kerana dengan rahmat dan limpah kurnia-Nya maka dapatlah saya menyiapkan Projek Sarjana Muda ini.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Ustaz Mohd Nasir bin Ripin kerana telah banyak memberikan bantuan, nasihat, bimbingan dan juga teguran yang membina dalam usaha menjayakan Projek Sarjana Muda ini.

Tidak ketinggalan buat keluarga tercinta khususnya suami tersayang yang sentiasa berada di sisi, bonda dan jua ayahanda yang tidak pernah jemu mendoakan dan memberikan dorongan kepada anakanda selama ini. Terima kasih juga kepada semua pensyarah-pensyarah yang pernah mencurahkan ilmu selama ini, semoga kalian semua meredhai segala ilmu yang telah diberikan.

Akhir sekali ucapan terima kasih buat semua sahabat-sahabat seperjuangan di bumi UTM yang telah membantu secara langsung atau tidak langsung dalam rangka kerja menyiapkan projek ini.

Kepada Allah jua didoakan semoga segala sumbangan yang telah diberikan diterima oleh Allah sebagai amal soleh.

Amin ya Rabb al-Alamin

## ABSTRAK

Kajian ini telah dijalankan untuk mengetahui faktor-faktor kecenderungan saudara kita memeluk Islam. Seramai 43 orang saudara kita yang sedang mengikuti kelas bimbingan di Darul Ukhuwah, Tampoi, Johor telah dipilih sebagai sampel kajian. Kajian berbentuk deskriptif ini telah dijalankan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan B. Secara umumnya, bahagian A mengandungi soalan berkaitan latar belakang responden manakala bahagian B pula mengandungi item-item soalan berkaitan faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi saudara kita untuk memeluk Islam. Skala Likert 3 mata (*3 point*) telah digunakan untuk menilai semua item pada bahagian B. Data yang telah diperolehi, dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 11.0 dengan kaedah kekerapan, peratusan dan min. Hasil kajian ini mendapati bahawa faktor pembacaan dan penyelidikan adalah faktor yang paling dominan di kalangan responden dengan 87.71%. Keputusan ini menunjukkan bahawa saudara kita di Darul Ukhuwah menerima Islam atas daya usaha sendiri untuk mencari dan mengenali Islam, seterusnya memeluk Islam. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, beberapa cadangan turut dimuatkan bagi menarik lebih ramai *non-Muslim* untuk memeluk Islam.

## ABSTRACT

This research was conducted to identify the factors that influenced new Muslims to embrace Islam. A number of 43 new Muslims who are following the Islamic guidance classes at Darul Ukhuwah in Tampoi, Johor were chosen as specimens for this research. This research was conducted using a set of questionnaire as the research's instrument. The questionnaires were divided into two parts namely, A and B. Generally, part A consists of specimen's background while part B consists of items about factors that might influenced the specimens to embrace Islam. Likert 3 point scale was used to evaluate all the items in part B. The collected data was analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 11.0 by analyzing findings in terms of frequency, percentage and average. The research's findings showed that reading or research was the dominant factor chosen by the respondents which was 87.71%. This finding showed that the new Muslims at Darul Ukhuwah accepted Islam through their own effort in learning and knowing about Islam until they embraced Islam. Several suggestions were also given in this research based on its finding so as to persuade more non-Muslims to embrace Islam.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>JUDUL</b>	i
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
<b>BAB I</b>	<b>PENGENALAN</b>	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4 Persoalan Kajian	5
	1.5 Objektif Kajian	6
	1.6 Kepentingan Kajian	6
	1.7 Batasan Kajian	7
	1.8 Definisi Istilah	7

**BAB II            SOROTAN PENULISAN**

2.1	Fitrah Beragama	9
2.2	Definisi Saudara Kita	13
2.3	Galakan dan Amaran	16
2.4	Faktor Kecenderungan Saudara Kita Memeluk Islam	
2.4.1	Hidayah Allah	18
2.4.2	Percintaan atau Perkahwinan	21
2.4.3	Pergaulan	23
2.4.4	Pembacaan atau Penyelidikan	25
2.4.5	Faktor-faktor Lain	27
2.5	Kajian-kajian Lepas Berkaitan Faktor Kecenderungan Saudara Kita Memeluk Islam	28
2.6	Rumusan	31

**BAB III            METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	32
3.2	Reka Bentuk Kajian	33
3.3	Tempat Kajian	33
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	34
3.5	Instrumen Kajian	34
3.6	Kajian Rintis	35
3.7	Prosedur Kajian	36
3.8	Analisis Data	37

**BAB IV DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	38
4.2	Analisis Data Bahagian A	39
4.3	Analisis Data Bahagian B	
4.3.1	Analisis Data Setiap Item Soal Selidik	42
4.3.2	Analisis Data Mengikut Persoalan Kajian	60
4.4	Kesimpulan	61

**BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1	Pendahuluan	62
5.2	Perbincangan	62
5.2.1	Bahagian A	
5.2.1.1	Latar Belakang Responden	63
5.2.2	Bahagian B	
5.2.2.1	Faktor Hidayah Allah	64
5.2.2.2	Faktor Percintaan atau Perkahwinan	66
5.2.2.3	Faktor Pergaulan	68
5.2.2.4	Faktor Pembacaan atau Penyelidikan	69
5.2.2.5	Faktor-faktor Lain	70
5.3	Rumusan	71
5.4	Cadangan	72
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	75
5.6	Penutup	76

<b>BIBLIOGRAFI</b>	78
--------------------	----

<b>LAMPIRAN</b>	81
-----------------	----

## SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Tafsiran taburan nilai min	37
4.1	Taburan bilangan dan peratusan responden berdasarkan umur	39
4.2	Taburan bilangan dan peratusan responden berdasarkan jantina	40
4.3	Taburan bilangan dan peratusan responden berdasarkan status	40
4.4	Taburan bilangan dan peratusan responden berdasarkan bangsa	40
4.5	Taburan bilangan dan peratusan responden berdasarkan agama asal	41
4.6	Taburan bilangan dan peratusan responden berdasarkan tahun memeluk Islam	41
4.7	Taburan bilangan dan peratusan responden yang bersetuju pernah mengalami mimpi agar memeluk Islam	42
4.8	Taburan bilangan dan peratusan responden yang bersetuju pernah mendengar bisikan yang mengajak ke arah Islam	43
4.9	Taburan bilangan dan peratusan responden yang suka mendengar azan dan ingin mengetahuinya	43
4.10	Taburan bilangan dan peratusan responden yang hatinya sentiasa memberontak untuk mencari agama yang terbaik di dunia ini	44
4.11	Taburan bilangan dan peratusan responden yang bersetuju bahawa tanpa hidayah Allah, seseorang itu tidak akan memeluk Islam	44

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
4.12	Taburan skor bagi responden yang tertarik untuk memeluk Islam setelah mengenali seorang Muslim yang berlainan jantina	45
4.13	Taburan skor bagi responden yang bersetuju dengan pernyataan bahawa pernah bercinta dengan individu Muslim sebelum memeluk Islam	45
4.14	Taburan skor bagi responden yang bersetuju bahawa mereka memeluk Islam kerana ingin berkahwin dengan seorang Muslim	46
4.15	Taburan skor bagi responden yang bersetuju bahawa perhubungan di antara seorang Muslim dan <i>non-Muslim</i> yang berlainan jantina akan menyebabkan <i>non-Muslim</i> tersebut tertarik kepada Islam	47
4.16	Taburan skor bagi responden yang memeluk Islam kerana faktor percintaan atau perkahwinan	47
4.17	Taburan skor bagi responden yang tertarik untuk memeluk Islam setelah bergaul dengan orang Islam	48
4.18	Taburan skor bagi responden yang bersetuju bahawa kebanyakan rakan Muslim yang dikenali di tempat kerja/belajar sebelum memeluk Islam menunjukkan akhlak yang baik	49
4.19	Taburan skor bagi responden yang bersetuju bahawa kebanyakan kawan-kawan Muslim yang dikenali sebelum memeluk Islam menjadi <i>role model</i> yang baik kepada mereka	49
4.20	Taburan skor bagi responden yang bersetuju bahawa kebanyakan kawan-kawan Muslim yang dikenali sebelum memeluk Islam banyak membantu mereka untuk mengenali Islam	50
4.21	Taburan skor bagi responden yang tertarik dengan akhlak yang ditunjukkan oleh jiran Muslim	51

<b>NO JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
4.22	Taburan skor bagi responden yang mendapati bahawa ajaran Islam itu indah melalui pergaulan dengan orang Islam	51
4.23	Taburan skor bagi responden yang tertarik untuk memeluk Islam setelah melakukan pembacaan mengenai Islam dan memahaminya	52
4.24	Taburan skor bagi responden tertarik untuk memeluk Islam setelah membuat beberapa penyelidikan terhadap Islam	52
4.25	Taburan skor bagi responden yang pernah membuat perbandingan di antara Islam dengan agama-agama yang lain sebelum memeluk Islam	53
4.26	Taburan skor bagi responden suka membaca buku-buku berkaitan Islam sebelum memeluk Islam	54
4.27	Taburan skor bagi responden yang selalu membaca buku-buku berkaitan Islam sebelum memeluk Islam	54
4.28	Taburan skor bagi responden yang mendapati ajaran Islam itu indah melalui pembacaan	55
4.29	Taburan skor bagi responden yang tertarik dengan keindahan ajaran Islam melalui pembacaan atau penyelidikan sebelum Islam	55
4.30	Taburan skor bagi responden yang meminati mata pelajaran agama Islam ketika di bangku sekolah.	56
4.31	Taburan skor bagi responden yang bersetuju bahawa guru atau pensyarah banyak mendedahkan keindahan dan keistimewaan Islam berbanding agama lain	57
4.32	Taburan skor bagi responden yang selalu mengikuti program yang berunsurkan Islam yang disiarkan oleh media massa	57
4.33	Taburan skor bagi responden yang tertarik dengan ajaran Islam kerana ia banyak disebar oleh media	58

4.34	Taburan skor bagi responden yang tertarik kepada Islam kerana berasa tidak puas hati dengan agama asal	58
4.35	Taburan skor bagi responden yang bersetuju akan mendapat keistimewaan apabila memeluk Islam	59
4.36	Taburan skor bagi responden yang bersetuju memeluk Islam kerana kepentingan perniagaan	60
5.1	Taburan kekerapan dan peratusan skor faktor hidayah Allah	63
5.2	Taburan kekerapan dan peratusan skor faktor percintaan atau perkahwinan	66
5.3	Taburan kekerapan dan peratusan skor faktor pergaulan	68
5.4	Taburan kekerapan dan peratusan skor pembacaan atau penyelidikan	69
5.5	Taburan kekerapan dan peratusan skor faktor-faktor lain	70

**SENARAI RAJAH**

<b>NO RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
4.1	Taburan purata min bagi faktor-faktor kecenderungan saudara kita memeluk Islam	60

**SENARAI SINGKATAN**

JAJ	Jabatan Agama Johor
JKSK	Jawatankuasa Saudara Kita
PERKIM	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
S.W.T	Subhanahu Wa Taala
s.a.w	Sollallahu Alaihi Wasallam
UTM	Universiti Teknologi Malaysia

# **BAB I**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia, saudara kita sama ada Cina, India atau masyarakat lain sering dirujuk dan diistilahkan sebagai 'muafak' atau 'saudara baru' oleh masyarakat Islam amnya dan masyarakat Melayu khususnya. Muafak bermaksud orang-orang yang dipujuk atau dijinakkan hatinya dengan harapan dapat menguatkan pegangan mereka terhadap Islam atau orang-orang yang dipujuk supaya tertarik untuk memeluk Islam (Amran Kasimin, 1985: 9). Muafak juga diertikan sebagai orang-orang yang baru masuk Islam atau saudara baru (Kamus Dewan, 2000: 227).

'Saudara baru' adalah satu perkataan yang digunapakai secara meluas apabila merujuk kepada golongan ini. Terdapat pelbagai reaksi masyarakat terhadap penggunaan istilah ini. Ada di kalangan anggota masyarakat yang tidak menyukainya dan tidak bersetuju dengan pemakaian istilah tersebut kerana berasaskan rasional bahawa ia hanya akan meletakkan golongan ini sebagai lapisan kedua dalam hirarki masyarakat Muslim. Ada juga di kalangan saudara kita sendiri yang tidak berpuas hati kerana walaupun mereka telah lama memeluk Islam, tetapi masih dianggap baru oleh sesetengah pihak (Azmi Tarmizi, 2003: 24).

Namun terdapat juga segelintir masyarakat yang bersetuju dengan penggunaan istilah ini atas alasan dan sebab tertentu. Walau bagaimanapun, istilah saudara kita telah diputuskan untuk digunakan kerana barangkali istilah ini lebih tepat dan menampakkan keharmonian. Istilah ini telah digunakan dengan meluas di

negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia termasuklah negeri Johor.

Walau apapun pandangan masyarakat, yang nyatanya masyarakat terutamanya masyarakat Islam perlu menyedari bahawa golongan saudara kita ini, merupakan aset yang berharga dalam konteks dakwah dan masyarakat Islam itu sendiri. Tidak terdapat satu catatan yang tepat tentang tarikh bermulanya saudara kita memeluk Islam di Malaysia. Meskipun sejarahnya agak kabur, namun apa yang amat dibanggakan ialah peningkatan kuantiti saudara kita ini sebagai anggota yang baru dalam masyarakat Islam.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Unit Ukhuwah, Bahagian Dakwah di Jabatan Agama Johor (JAJ), bilangan saudara kita bukannya semakin berkurangan bahkan semakin bertambah setiap tahun. Seramai 348 orang atau 28.8% telah mendaftar untuk memeluk Islam bagi daerah Johor Bahru pada tahun 2000. Bilangan ini semakin meningkat dari setahun ke setahun iaitu seramai 406 orang atau 33.5% pada tahun 2001 dan 456 orang atau 37.7% pada tahun 2002. Peningkatan ini adalah satu perkembangan yang amat memberansangkan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 70.8% adalah lelaki dan 29.2% adalah dari kalangan wanita.

Menurut Ann Wan Seng, Setiausaha Agung PERKIM, hampir 500 orang terdiri dari pelbagai bangsa datang ke PERKIM untuk memeluk Islam setiap tahun. Mereka bukan sahaja di kalangan masyarakat tempatan malahan warga asing seperti Jepun, Afrika dan Australia turut mendapatkan khidmat PERKIM untuk menukar agama (Fouziah Amir, 2003: 17).

Pertukaran akidah dan pegangan hidup merupakan satu pengorbanan dan penghijrahan yang besar dalam kehidupan seseorang. Perubahan tersebut memerlukan semangat dan jiwa yang kental untuk menghadapi segala cabaran dan

kemungkinan yang bakal mendatang. Sesuatu yang baru dalam kehidupan seseorang pastinya diiringi dengan cabaran dan rintangan. Bagi seorang saudara kita, suasana kehidupan selepas Islam pasti amat berbeza dengan kehidupan yang lampau. Dalam suasana yang baru ini, golongan ini tidak terlepas dari menghadapi pelbagai cabaran yang boleh menggugat dan menggoyahkan keimanan yang baru hendak bercambah.

Pelbagai masalah yang terpaksa dihadapi sama ada dari segi emosi, adat, budaya, keluarga, ekonomi, kerjaya, perundangan dan sebagainya. Menurut Lokman Ab. Rahman (1995: 62), antara cabaran dan masalah besar yang sering membelenggu mereka ialah:

- a) penyingkiran oleh kaum keluarga dan masyarakat asal;
- b) pandangan negatif dan prejudis dari masyarakat Melayu (Islam);
- c) bidang pekerjaan yang tidak sesuai dengan tuntutan agama Islam;
- d) kehilangan hak untuk mendapatkan harta pusaka;
- e) kegagalan dalam perkahwinan (perceraian) atau kecewa dalam percintaan.

Menurut Mohd Syukri dan Osman (2003:66), terdapat dua masalah utama yang bakal dihadapi oleh orang yang baru memeluk Islam. Pertama, seseorang itu perlu mengubah dan menyesuaikan cara hidupnya selaras dengan apa yang telah digariskan oleh Islam. Apa sahaja amalan yang bertentangan dengan Islam mesti ditinggalkan, sebaliknya, amalan yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam boleh dikekalkan dan terus diamalkan. Kedua ialah orang yang baru memeluk Islam mungkin akan menerima tentangan dari pihak keluarga, kumpulan etniknya sendiri dan juga dari kalangan mereka yang tidak memahami Islam. Seseorang itu mungkin dibenci dan disisihkan oleh mereka. Keadaan ini tentunya akan memberi tekanan yang kuat kepada seseorang yang baru memeluk Islam.

Selain menghadapi masalah yang disenaraikan, golongan bukan Islam di Malaysia mempunyai satu lagi cabaran iaitu kesukaran untuk mendapatkan contoh atau model yang baik bagi menunjukkan cara hidup Islam yang sebenar pada masa

kini. Orang-orang Islam sendiri begitu lemah imannya dan sudah begitu jauh meninggalkan ajaran Islam.

Menurut Zaini Hamzah (1989: 2), setiap orang Islam bertanggungjawab untuk mendakwahkan Islam kepada sesiapa sahaja terutamanya yang belum Islam. Kita mempunyai ramai kenalan, kawan, rakan sepejabat, jiran setempat yang belum Islam yang tidak diberikan perhatian. Mengapa kita mesti berdiam diri tidak membicarakan mengenai Islam sehingga mereka mendapat gambaran yang salah tentang Islam. Setiap individu Muslim seharusnya menjadi *ambassador* atau seorang duta kepada Islam yang mampu untuk memberikan penerangan tentang Islam dengan jelas.

Kegagalan sesetengah orang Islam untuk menjadi *ambassador* atau duta Islam yang baik menyebabkan timbul tanggapan dan gambaran yang salah terhadap Islam dari sudut pandangan orang bukan Islam. Di antaranya ialah (Zaini Hamzah, 1989: 4-5):

- a) Islam adalah agama untuk orang Melayu;
- b) Islam adalah agama kuno;
- c) Hukuman di dalam Islam adalah kejam;
- d) Islam mengehadkan pilihan terhadap makanan;
- e) Islam ini keras;
- f) Islam menggalakkan pengikutnya berperang;
- g) Islam membenarkan lelaki berkahwin lebih daripada satu;
- h) Tuhan orang Islam itu zalim.

Kepelbagaian masalah ini tentunya disedari oleh golongan saudara kita sebelum memilih Islam sebagai agama dan cara hidupnya. Walau bagaimanapun, persoalannya di sini mengapa mereka sanggup menyahut cabaran-cabaran yang bakal mereka tempuhi dengan memeluk Islam? Apakah yang mendorong mereka untuk memilih Islam? Kajian ini akan cuba mengupas persoalan ini dengan cuba menyelidiki faktor-faktor yang mendorong golongan ini memeluk Islam.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Kebejatan akhlak Muslim yang begitu ketara sejak akhir-akhir ini agak membimbangkan. Mereka adalah orang yang diharapkan untuk memberikan contoh serta cerminan akhlak Islam kepada yang belum memeluk agama Islam. Tambahan pula dalam situasi kini, dunia melihat Islam sebagai agama pegganas ekoran daripada tragedi yang berlaku pada 11 September 2001 di Amerika Syarikat.

Selain itu, jika difikirkan dari sudut cabaran yang bakal dihadapi oleh saudara kita selepas mereka bergelar seorang Muslim, kita tentu akan menjangkakan bahawa mereka tidak sanggup untuk memeluk Islam. Walau bagaimanapun, dalam situasi yang sebegini, bilangan saudara kita semakin meningkat bukannya semakin berkurangan. Apakah yang mendorong mereka untuk tetap memilih Islam, menyahut apa jua cabaran yang mendatang memandangkan terlalu banyak pandangan negatif yang dilemparkan terhadap Islam pada zaman mutakhir ini?

Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan saudara kita cenderung untuk memilih Islam sebagai agamanya berbanding agama lain yang wujud di dunia ini.

### **1.4 Persoalan Kajian**

Penyelidikan ini difokuskan kepada beberapa persoalan penting iaitu:

- 1.4.1 Adakah hidayah Allah menjadi satu faktor mengapa saudara kita memeluk Islam?
- 1.4.2 Adakah faktor percintaan atau perkahwinan mendorong saudara kita memeluk Islam?
- 1.4.3 Adakah faktor pergaulan menjadi faktor pendorong saudara kita memeluk Islam?

- 1.4.4 Adakah saudara kita memeluk Islam disebabkan faktor pembacaan dan penyelidikan?
- 1.4.5 Apakah faktor lain yang menyebabkan saudara kita memilih Islam sebagai cara hidupnya?